



Gagal Pamer Tanda Harga, Syarikat Dikompaun RM2,000

MAY 13, 2020

MUKAH: Padah gagal mempamer tanda harga, sebuah syarikat di Balingian, Mukah dikompaun RM2,000 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah.

Memetik laporan UKAS, serbuan dilakukan oleh anggota KPDNHEP Mukah pada minggu lepas susulan aduan diterima dari orang awam terhadap kantin ladang sawit di Balingian kerana gagal mempamerkan tanda harga pada barangan yang dipamerkan untuk jualan.

Tindakan kes telah diambil di bawah Peraturan 3(1), Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1993, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu gagal mempamerkan tag, label dan tanda harga pada barangan jualan bagi tujuan perdagangan.

Jika disabitkan kesalahan pemilik boleh didenda RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala syarikat atau pertubuhan perbadanan boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Menurut Ketua Cawangan KPDNHEP Cawangan Mukah, Salihin Den pihaknya memandang serius dan tidak berkompromi di dalam menjaga kepentingan pengguna terutamanya pada ketika negara dilanda pandemik Covid-19 ini.

Tegasnya, KPDNHEP tidak mahu mana-mana pihak mengambil kesempatan ke atas pengguna di dalam mana-mana situasi terutamanya semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dikuatkuasakan.

https://tvsarawak.com/gagal-pamer-tanda-harga-syarikat-dikompaun-rm2000/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=gagal-pamer-tanda-harga-syarikat-dikompaun-rm2000

